



طاجوتی
Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

Edisi Julai - Disember 2018 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



YB DR. XAVIER JAYAKUMAR, MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI MENYAMPAIKAN UCAPAN PERASMIAN SEMENA Sesi Konsultasi Penambahbaikan Konsep dan Amalan Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System) bagi menyokong pengurusan hutan dan pelaksanaan Central Forest Spine (CFS) **MUKA SURAT 8**



YBHG. DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD, KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA MENANDATANGANI BUKU LAWATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SABAH

MUKA SURAT 25



TAKLIMAT KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM DIIRINGI MASKOT JPSM SEMENA Lawatan Pelajar Sekolah Lembah Kelang **MUKA SURAT 30**

BANYAK INFORMASI DALAM EDISI INI



DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izinnya sekali lagi Buletin MAJUTAN Edisi Julai-Disember 2018 dapat menemui pembaca khususnya warga JPSM. Saya selaku Ketua Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja JPSM yang telah menyumbang artikel untuk MAJUTAN edisi ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi 2018 yang telah berjaya menerbitkan buletin ini.

Buletin MAJUTAN Edisi Julai-Disember 2018 kembali dengan penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Program-program yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan lancar hasil kerjasama semua warga kerja JPSM. Penerbitan buletin ini juga dapat memberi peluang kepada warga kerja JPSM untuk mengasah bakat masing-masing dalam penulisan artikel yang baik. Akhir kata, saya yakin usaha ini akan dapat diteruskan pada tahun hadapan seiring dengan usaha untuk menjadi agensi terunggul dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan demi kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

ISI KANDUNGAN

- 4 Pendakwaan Kes Kesalahan Hutan
- 4 Malaysia Downhill Series (MDS) Siri Ke-2 2018
- 5 Mesyuarat dan Lawatan Kerja Pelaksanaan Program Penghijauan Bersama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- 5 Larian Ultra Bukit Fraser 2018
- 6 Penubuhan IPJPSM Kid's Corner di bawah Program Pementoran JPSM 2018
- 7 Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia
- 8 Sesi Konsultasi Penambahbaikan Konsep dan Amalan Pengurusan Memilih bagi menyokong Pengurusan Hutan dan Pelaksanaan Central Forest Spine
- 9 Lawatan Sambil Belajar ke Projek Ladang Aramijaya Sdn Bhd, Johor
- 11 Kibaran Jalur Gemilang di Puncak Gunung Angsi
- 12 Gunung Angsi Challenge 2018
- 14 Operasi Penguatkuasaan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Perak 2018 bersama Jabatan/Agensi berkaitan
- 14 Program Literasi Media dan Maklumat 2018
- 15 Program Lawatan PUSPANITA ke luar negara Siri 1 "Hatyai"
- 15 Program Penanaman Pokok "Go Green With SASET"
- 16 Kursus Gubalan Undang-Undang Asas
- 16 Bengkel Pemerkasaan Sistem Pengurusan Pengeluaran Pokok Karas (*Aquilaria* spp) daripada Hutan Simpanan Kekal Secara Berkekalan
- 17 Mesyuarat dan Lawatan Kerja bagi pemantauan aktiviti Program Penghijauan bersama NGO pada tahun 2017 di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia.
- 18 Lab Intreprestasi Keputusan Analisa Petak kajian Tumbesaran dan Pengeluaran (Growth and Yield)
- 18 Seberang Perai Fiesta 2018
- 19 Kursus Penulisan Saintifik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- 19 Kesedaran Masyarakat Penjamin Kelastarian Ekopelancongan
- 20 Pembangunan Sistem Maklumat Perhutanan Bersepadu Negeri Sembilan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus
- 21 Program Perjumpaan Puspanita Jabatan Perhutanan Peringkat Semenanjung Malaysia Bersempena Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Ke-38 Tahun 2018
- 22 Trail Hunt @ Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala
- 23 Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bagi Kumpulan Pelaksana Gred G19-G29 Tahun 2018
- 24 Program Restorasi Kawasan Hutan Terosot di Hutan Simpan Terla A, Cameron Highlands dengan tanaman spesies *Eucalyptus Hybrid* seluas 1.0 hektar bersama komuniti setempat
- 25 Tinjauan Ekopelancongan JPSM ke kawasan konservasi Kanyon Imbak, Sabah
- 32 Kursus Pemanduan dan Penyelenggaraan Kenderaan pacuan Empat Roda (4x4) anjuran jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
- 32 Kem Cinta Alam 2018@Pusat Edu-Pelancongan Sungai Menyala
- 33 Program Lawatan Sekolah ke Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- 34 Program Gotong Royong Zon 1 Taman Rimba Wawasan
- 34 Larian Merentas Desa "Malaysia Action Asia 50 Janda Baik Pahang"
- 35 Program "Cakne Aqeelah Trail 2018 (CAT'18), Gunung Datuk
- 36 Lawatan Delegasi Sarawak Forestry Corporation (SFC) ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak
- 36 Program "Save Our Forest, Runwild at Chamang Falls"
- 37 Lawatan Sambil Belajar ke Johor Bharu bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Pengarah (AKP) Tahun 2017 Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
- 37 Penubuhan IPJPSM Kid's Corner di bawah Program Pementoran JPSM 2018
- 39 Lawatan Kerja YBhg. Dato Haji Nor Akharrudin bin Mahmud, KPPSM ke Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
- 40 Memoir Catatan Malayan Forester Volume 1, 1931
- 41 *Shorea kuantanensis* telah pupus?

SIDANG REDAKSI MAJUTAN

PENASIHAT

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah binti Abdul Karim
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG	Hj Fauzi bin Abu Bakar	KONSEP DAN REKA BENTUK I	Suhana binti Bebakar
PENOLONG PENGARANG I	Othman bin Deris	KONSEP DAN REKA BENTUK II	Kamal Kusyairi bin Abd Ghani
PENOLONG PENGARANG II	Mohd Izani bin Abdullah	PERCETAKAN DAN EDARAN I	Rajihan bin Rahim
		PERCETAKAN DAN EDARAN II	Rohaizam bin Mohamad

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR Nurazuwah binti Omar	KEDAH Siti Sarah binti Shahrudin	KELANTAN Mohd Fazri bin Faisal	MELAKA Norliza binti Md
PERAK Suhaidi Sinin	PERLIS Basirun bin Bakar	PULAU PINANG Sanja a/p Boon Kong	SELANGOR Nor Wahidah binti Amran
NEGERI SEMBILAN Siti Norhayati binti Mastar	PAHANG Edevaldo J. Yapp	TERENGGANU Muhammad Hafni bin Ahmad Saraji	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Mohd Hafiz bin Hamzah

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN Muhammad Fekri bin Taib	KHIDMAT PENGURUSAN Zuraida binti Mohd Aziz
PENGURUSAN HUTAN Nor Saidatul Huriyah binti Shahrudin	PENGURUSAN MAKLUMAT Mazuraa binti Marzuki
SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN Mohd Saman bin Sanget	TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN Sharifah Amira binti Salim	PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN Zulkurnain bin Zakaria
HAL EHWAL ANTARABANGSA Nora Azlina binti Musa	FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI Muhammad Firdaus bin Khadlan
LATIHAN PERHUTANAN Muhammad Hafidz bin Abdullah	KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM Abdul Nasir bin Ismail
PENGUATKUASAAN HUTAN Muhamat Azman bin Yahya	INTEGRITI PERHUTANAN Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
KEJURUTERAAN HUTAN Kamariza Fairus binti Mohd Kamil	SETIAUSAHA PUSPANITA Rafizah bin Minhat

Pihak Jawatankuasa Majutan mengalu-alukan sebarang bentuk Cadangan / Artikel / Rencana / Komen daripada seluruh warga Perhutanan.

PENDAKWAAN KES KESALAHAN HUTAN

Disediakan oleh: Suhaidi bin Sinin
Jabatan Perhutanan Negeri Perak
KUALA KANGSAR, 3 JULAI 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah membuat pendakwaan ke atas seorang lelaki warganegara Thailand bernama Trong Dongdi di mahkamah Seksyen Kuala Kangsar. Trong Dongdi didakwa melakukan kesalahan itu di Hutan Simpan Temenggor pada 22 Mei 2018 kerana memiliki hasil hutan secara menyalahi undang-undang serta menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti di dalam Hutan Simpan Temenggor tanpa permit yang dibenarkan dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Tertuduh didakwa mengikut seksyen 32(1) dan seksyen 81 (1), Akta Perhutanan Negara 1984 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000.00 atau penjara maksimum lima (5) tahun atau kedua-duanya. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Negeri Perak,



Lokasi OKT ditangkap oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Puan Punitha A/P Sivaraji dan kes dikendalikan oleh pegawai penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak Cik Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib. OKT mengakusalah dan dikenakan hukuman penjara empat

(4) tahun bagi kedua-dua pertuduhan bermula dari tarikh tangkapan dan kayu serta barang yang disita dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

MALAYSIA DOWNHILL SERIES (MDS) SIRI KE-2 2018

Disediakan oleh: Choong Huey Jin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 6-7 JULAI 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menganjurkan Malaysia Downhill Series (MDS) Siri ke-2 2018 pada 6 hingga 7 Julai 2018 di Taman Eko-Rimba Bukit Pelindung. MDS ini merupakan satu kejohanan sukan lasak berasaskan basikal bukit.

Seramai lebih kurang 100 pelumba basikal bukit dari dalam dan luar Negara telah menyertai perlumbaan ini yang berlangsung selama 2 hari. Pelumba perlu menghadapi cabaran yang melibatkan laluan bukit sepanjang 1.2km yang berliku-liku serta dipenuhi dengan akar-akar pokok. Pelumba yang dapat melengkapkan laluan tersebut dalam masa yang paling singkat merupakan pemenang.

Tujuan penganjuran program ini adalah bagi mempromosikan Taman Eko-Rimba Bukit Pelindung sebagai satu destinasi ekopelancongan yang mampu memenuhi keperluan rekreasi penggemar sukan lasak. Selain itu, selaras dengan tema "Unearthing the potential of ecotourism", program ini juga bertujuan untuk merungkai potensi taman eko rimba sebagai tempat penganjuran pelbagai aktiviti rekreasi.

Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Encik Samsu Anuar bin Nawawi telah sudi meluangkan masa bagi menyempurnakan sesi penyampaian hadiah semasa majlis penutup.



Pemenang bergambar bersama barisan urusetia dan pihak penganjur



Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Encik Samsu Anuar bin Nawawi turut hadir bagi menyempurnakan sesi penyampaian hadiah

MESYUARAT DAN LAWATAN KERJA PELAKSANAAN PROGRAM PENGHIJAUAN BERSAMA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DI BAWAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA DI CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

CAMERON HIGHLANDS, 9 JULAI 2018

Mesyuarat dan Lawatan Kerja Pelaksanaan Program Penghijauan Bersama Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah Peruntukan Pembangunan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan di Semenanjung Malaysia telah diadakan pada 9 Julai 2018 bertempat di Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands, Pahang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Jinis bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan.

Tujuan mesyuarat diadakan untuk membincangkan status kemajuan program penghijauan melalui aktiviti penanaman semula pokok yang telah dilaksanakan oleh pihak NGO di kawasan Cameron Highlands, Pahang. Pada tahun 2017, sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukan kepada NGO bagi melaksanakan program penghijauan melalui aktiviti penanaman yang tertumpu kepada penglibatan komuniti di Cameron Highlands, Pahang dan Janda Baik, Pahang. Di Cameron Highlands, sebanyak tiga NGO yang terlibat secara aktif dalam program ini iaitu Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH). Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC) dan Malaysian Nature Society (MNS).

Bersempena mesyuarat tersebut juga, satu lawatan ke penanaman semula pokok oleh NGO di Kompartmen 4, Hutan Simpan Batu Gangan yang melibatkan kawasan seluas 2 hektar bagi setiap NGO yang terlibat. Tujuan utama lawatan ini ialah untuk melihat secara terus kawasan-kawasan tanaman yang diberikan kepada NGO.



Mesyuarat Kerja Pelaksanaan Program Penghijauan



Papan tanda kawasan tanaman Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH)

LARIAN ULTRA BUKIT FRASER 2018 (FRASER'S HILL TRISTATE ULTRA TRAIL 2018)

Disediakan oleh: Choong Huey Jin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

RAUB, 14-15 JULAI 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Kow Kow Sports telah menganjurkan satu acara larian Ultra Bukit Fraser 2018 pada 14-15 Julai 2018 bertempat di Bukit Fraser, Raub, Pahang. Objektif penganjuran acara ini adalah bagi dan memperkenalkan keindahan Bukit Fraser secara am dan Taman Eko-Rimba Jeriau secara khas kepada orang ramai. Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara alam sekitar. Selain itu, acara ini juga dapat memupuk gaya hidup yang sihat dan cergas.

Acara ini adalah terbuka kepada penyertaan awam dan telah mendapat sambutan yang baik dengan seramai 730 penyertaan dari 10 negara. Antara Negara yang terlibat adalah Australia, British, China, Filipina, Jepun, New Zealand, Perancis, Singapura dan Thai.

Terdapat tiga (3) kategori jarak bagi acara ini iaitu 15km, 25km dan 50km. Tiga (3) kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menyertai larian kategori 15km. Antaranya, Encik Muhd Rahman bin Wahid telah memenangi tempat kedua dalam kategori Lelaki Veteran.



Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin menyampaikan hadiah kepada Encik Muhd Rahman bin Wahid dalam kategori Lelaki Veteran, 15km.



Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Dato' Mohd Basri bin Abd Manaf telah merasmikan acara "flag off" manakala Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin telah menyerahkan Majlis Penyampaian Hadiah.

PENUBUHAN IPJPSM KID'S CORNER DI BAWAH PROGRAM PEMENTORAN JPSM 2018

Disediakan oleh: Othman bin Deris, Mohd. Hafiz Hairi bin Amerudin, Nur 'Afifi binti Ahmad
Program Pementoran JPSM 2018



KUALA LUMPUR, 30 JULAI 2018

Pada tahun 2018, Program Pementoran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dilaksanakan menggunakan format yang berbeza berbanding tahun sebelumnya. Program ini melibatkan seramai lapan (8) orang mentor dan 18 orang mentee dengan nisbah 1:3 dan 1:2 yang melibatkan pegawai lantikan baru, pegawai yang bertukar masuk, pegawai yang dinaikkan pangkat dan pegawai yang belum pernah mengikuti program pementoran. Pada tahun ini program pementoran dilaksanakan berdasarkan kepada pelaksanaan projek yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa dan bukannya oleh Mentor/Mentee. Format ini agak berbeza bagi memastikan Mentor/Mentee dapat menunjukkan 'outcome' dari segi fizikal dan menghasilkan impak kepada warga Jabatan.


Objektif dan Sasaran Peserta

Berdasarkan hasil mesyuarat Pemantauan Program Pementoran yang telah diadakan pada 30 Julai 2018, Kumpulan 7 dan Kumpulan 8 diminta untuk mengetuai projek IPJPSM Kid's Corner.

Objektif penubuhan bilik tersebut adalah untuk membantu warga IPJPSM yang berhadapan dengan masalah pengasuh bercuti, sekolah tutup, tiada tempat persiapan untuk menghadiri sekolah sesi petang dan sebagainya memandangkan IPJPSM tidak mempunyai kemudahan taska.

Peruntukan bagi penubuhan IPJPSM Kid's Corner ini adalah daripada hasil sumbangan bersama warga JPSM dan Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (PKSIP) berjumlah RM3962.07. Penyediaan bilik ini pula telah dilaksanakan secara gotong-royong bersama Mentor Mentee, staf IPJPSM dan pelajar FOTRAIN bermula pada sehingga 1 November 2018.

Pada 14 Disember 2018, Bilik IPJPSM Kid's Corner ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Bilik IPJPSM Kid's Corner berukuran 3.5 meter lebar dan 5.2 meter panjang mampu memuatkan seramai 8 hingga 10 orang kanak-kanak dalam satu-satu masa dan juga dilengkapi dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV).



KURSUS PENGENALAN DAN PENGECEMAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Noor Azrien binti Zainon dan Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



TELUK BAHANG, 27 OGOS 2018

Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia 27–30 Ogos 2018 bertempat di Hutan Lipur Teluk Bahang, Pulau Pinang yang terdiri daripada 19 orang Pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia terutamanya spesies Dipterokarpa kategori Sangat Terancam (Critically Endangered) dan memberi penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan secara amali. Kursus ini juga memberi fokus kepada 15 spesies Pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam (Critically Endangered) dalam Kawasan Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah iaitu Encik Mohd Nasir bin Mohamad, Penolong Pegawai Penguat kuasa, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Renjer bersara Encik Salleh bin Endut serta dibantu fasilitator daripada Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM. Para penceramah dan fasilitator yang diundang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai spesies Dipterokarpa terancam di Semenanjung Malaysia.



Sesi Teori bagi Pengecaman dan Pengenalan Spesies Terancam yang disampaikan oleh Encik Mohd Nasir bin Mohamad



Ujian Penilaian Kursus Pengenalan & Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia



Kursus selama empat hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi pengecaman spesies terancam, iaitu di Taman Negara Teluk Bahang, Pulau Pinang, Kawasan perkampungan nelayan Pulau Pinang, The Habitat Penang Hill, Pulau Pinang dan Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Pulau Pinang. Pengecaman spesies dipterokarpa terancam menemui satu spesies, iaitu *Hopea bracteata* (Merawan ungu) di Taman Negara Pulau Pinang. Selain itu, spesies endemik di Pulau Pinang juga banyak dijumpai seperti *Sepanjang* aktiviti di lapangan menjumpai satu spesies dipterokarpa terancam, iaitu *Durio penanguanus* (Durian batang), *Alstonia penangiana* (Pulai penipu), *Atuna penangiana* (Merbatu), *Engelhardtia roxburgiana* (Dungun bukit) di Kompartmen 4, Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Pulau Pinang.

Pada awal dan akhir kursus ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam telah dijalankan bagi menguji tahap pengecaman spesies terancam ke atas peserta kursus. Tujuan utama ujian penilaian pengecaman ini dijalankan adalah untuk menilai tahap keberkesanan

kursus di mana markah ujian sebelum kursus dan markah akhir kursus bagi setiap peserta akan dibuat perbandingan. Secara keseluruhannya, kursus ini mencapai objektif yang telah ditetapkan dan berdasarkan keputusan Ujian 1 dan 2 di dapati terdapat peningkatan ke atas Ujian 2 bagi setiap peserta yang mengikuti kursus ini.

SESI KONSULTASI PENAMBAHBAIKAN KONSEP DAN AMALAN SISTEM PENGURUSAN MEMILIH (SELECTIVE MANAGEMENT SYSTEM) BAGI MENYOKONG PENGURUSAN HUTAN DAN PELAKSANAAN CENTRAL FOREST SPINE (CFS)

Disediakan oleh: Nurul Fazleeyu Fazeela binti Ab Kadir
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM



BANGI-PUTRAJAYA, 27 - 28 OGOS 2018

Sesi Konsultasi Penambahbaikan Konsep dan Amalan Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System, SMS) Bagi Menyokong Pengurusan Hutan dan Pelaksanaan Central Forest Spine (CFS) telah diadakan pada 27 hingga 28 Ogos 2018 bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor. Sesi tersebut telah dirasmikan oleh YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan turut dihadiri YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri KATS dan YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha KATS. Seramai lebih kurang 100 orang peserta telah hadir ke sesi konsultasi ini yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Pengajian Tinggi Awam.

Sebanyak empat (4) kertas pembentangan telah dibentangkan di dalam sesi konsultasi ini iaitu kertas pembentangan Konsep dan Amalan Sistem Pengurusan Memilih [Selective Management System (SMS)] oleh YBhg. Dato' Lim Kee Ling, Pengarah Bahagian Ladang Hutan Dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Kertas pembentangan Pelaporan Hasil Inventori Hutan Nasional dan Petak Kajian oleh Tn Hj. Yusoff bin Muda, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Kertas pembentangan Hasil Kajian Berkaitan Sistem Pengurusan Memilih [Selective Management System (SMS)]:



Sesi Konsultasi Penambahbaikan Konsep dan Amalan Sistem Pengurusan Memilih [Selective Management System, (SMS)] Bagi Menyokong Pengurusan Hutan dan Pelaksanaan Central Forest Spine (CFS)

Kearah Mencapai Pengurusan Mapan oleh Dr. Wan Mohd Shukri bin Wan Ahmad, Ketua Program Geoinformasi, Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia; dan kertas pembentangan Selective Management System (SMS) Relook Based On Universiti Putra Malaysia (UPM) oleh Prof. Madya Dr. Mohd Zaki bin Hamzah, Timbalan Dekan, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia.

Peserta juga turut dibahagikan kepada empat (4) kumpulan utama bagi membincangkan serta mengkaji isu dan cadangan penambahbaikan sistem pengurusan sedia ada. Hasil daripada sesi ini dapat mengumpul maklumat dan maklum balas daripada peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan, pelaksana dan penyelidik seterusnya mengkaji semula konsep dan amalan SMS agar penambahbaikan dapat dicadangkan dan dilaksanakan.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PROJEK LADANG ARAMIJAYA SDN. BHD., JOHOR

Disediakan oleh : Norzalyta Mohd Ghazali/ Rafi bin Mamat
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan Negeri Pahang Dato' Sri Haji Sharkar bin Hj Shamsudin (dua dari kiri) dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin ketika melawat sekitar Kilang pemprosesan pengeluaran Woodchips

JOHOR BAHRU, 5 SEPTEMBER 2018

Program lawatan sambil belajar 13 pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) termasuk wakil daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) ke Projek Ladang Hutan Aramijaya Sdn Bhd, Johor baru-baru ini memberi peluang kepada perkongsian idea dan bertukar-tukar pendapat bagi kedua-dua belah pihak. Lawatan dua hari yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Perladangan Negeri Pahang Dato' Sri Haji Sharkar bin Hj Shamsudin dan Pengarah JPNP Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin ini merupakan antara inisiatif dan persediaan awal JPNP untuk melaksanakan Projek Penghutan Semula berskala besar dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Pahang tidak lama lagi

Ini berikutan keputusan Kerajaan Negeri Pahang baru-baru ini yang telah meluluskan Projek Penghutan Semula di dalam Hutan Simpanan Kekal dengan keluasan 50,000 hektar di kawasan hutan yang terdegradasi. Program lawatan sambil belajar ini turut memberi peluang kepada pihak Jabatan dan khususnya Kerajaan Negeri Pahang untuk berkongsi idea dan pendapat dalam aspek pengurusan, operasi dan penyelenggaraan dalam merealisasikan Projek Penghutan Semula di Negeri Pahang. Melalui lawatan ini, ahli rombongan turut berpeluang melihat kejayaan projek penanaman ladang hutan berskala besar yang dilaksanakan oleh Syarikat Aramijaya Sdn. Bhd. di sekitar Ulu Sedeli, Johor yang membabitkan tanaman pokok getah, karas, akasia disamping penghasilan produk-produk hasil hutan seperti madu lebah, madu kelulut, gaharu dan lain-lain lagi.



Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin (kanan) dan Timbalannya Dato' Samsu Anuar Nawi sedang mendengar penerangan daripada wakil syarikat mengenai teknik inokulen tanaman karas di Ulu Sedeli, Johor



Ahli rombongan juga turut diberi peluang untuk melihat sendiri proses-proses penghasilan bagi pengeluaran Woodchips (kayu serpai) dengan melawat kilang Woodchips syarikat berkenaan di kawasan pelabuhan Johor, Pasir Gudang dan proses pemprosesan woodchips di lapangan dengan menggunakan jentera/ kilang bergerak yang dimana ianya lebih efisien dari sudut pembekalan dan logistik.

Sementara itu Dato' Sri Haji Sharkar berkata, kepakaran yang dimiliki Syarikat Aramijaya Sdn Bhd dalam sektor perladangan diharap dapat dikongsi dan digunapakai oleh JPNNP. Beliau juga berharap melalui lawatan sambil belajar yang diadakan ini dapat membuka lembaran baru terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam penghijauan, peningkatan biodiversiti, kestabilan ekosistem dan sosio-ekonomi kawasan setempat. Beliau turut mengucapkan terima kasih diatas kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Syarikat Aramijaya Sdn. Bhd. bagi kelancaran lawatan ini.



KIBARAN JALUR GEMILANG DI PUNCAK GUNUNG ANGSII

Disediakan oleh: Shahrul Rizal bin Baharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 16 SEPTEMBER 2018

Satu program yang dinamakan Kibaran Jalur Gemilang di puncak Gunung Angsi telah diadakan di Gunung Angsi pada 16 September 2018. Program ini merupakan acara tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Setiap tahun program dijalankan di lokasi pendakian yang terkenal di sekitar Negeri Sembilan dan untuk tahun 2018, Gunung Angsi dipilih sebagai lokasi program tersebut. Program ini terbuka kepada semua anggota masyarakat terutamanya penduduk sekitar Negeri Sembilan dan program ini tidak melibatkan sebarang pembayaran pendaftaran.

Program ini diadakan sempena Negara kita menyambut Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Antara objektif utama program ini adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dikalangan peserta, mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas serta mengeratkan hubungan antara masyarakat setempat dengan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Seramai 100 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program Kibaran Jalur Gemilang di Puncak Gunung Angsi ini yang terdiri dari masyarakat setempat, pengujung luar, anggota beruniform dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ialah senamrobik sebelum pendakian, kibaran Jalur Gemilang, nyanyian lagu Negaraku dan nyanyian beberapa lagu patriotik. Program ini dirasmikan sendiri oleh Tuan Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.



Peserta bergambar beramai-ramai bersama Tuan Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan sejurus tiba di puncak Gunung Angsi



Acara Senamrobik dan senaman ringan sebelum pendakian ke Puncak Gunung Angsi



Kibaran Jalur Gemilang dan nyanyian Lagu Patriotik

GUNUNG ANGSII CHALLENGE 2018

Disediakan oleh: Juliana binti Yahya
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 16 SEPTEMBER 2018

Acara Gunung Angsi Challenge merupakan acara yang dianjurkan oleh DRD International Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan Melalui Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Persatuan Malim Gunung Malaysia (PMGM). Penganjuran Gunung Angsi Challenge 2018 merupakan permulaan kepada "SIRKIT CABARAN GUNUNG NEGERI SEMBILAN" yang akan diadakan secara berterusan dan mengambilkira gunung-gunung yang terdapat di Negeri Sembilan. Acara Gunung Angsi Challenge 2018 telah diadakan pada 16 September 2018 (Ahad) bersempena Sambutan Hari Malaysia 2018 bertempat di Taman Eko-Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah dan telah dirasmikan oleh YAB Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Acara ini bermula di Taman Eko-Rimba Ulu Bendul melalui Jalan Raya Kuala Pilah-Seremban, Jalan Lama Bukit Putus, laluan mendaki Gunung Angsi dan berakhir di Taman Eko-Rimba Ulu Bendul dengan jarak laluan sejauh 13km. Disamping itu, acara ini juga mendapat sokongan dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Majlis Daerah Kuala Pilah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan RELA.

Gunung Angsi merupakan salah satu destinasi ekopelancongan yang terkenal di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ia terletak di dalam Hutan Simpan Angsi dan mempunyai ketinggian 825 meter dari aras laut dengan jarak laluan adalah sejauh 8 km. Apa yang menarik, gunung ini mempunyai dua (2) laluan masuk iaitu dari Taman Eko-Rimba Ulu Bendul dan laluan keduanya di Jalan Lama Bukit Putus yang mana setiap laluan mempunyai pengalaman dan cabarannya tersendiri. Faktor keselamatan, tahap kesukaran, ketinggian gunung yang sesuai dan ramai pendaki mengenali gunung ini menjadi faktor kepada pemilihan gunung ini bagi penganjuran kali pertama acara tersebut. Selain itu, Gunung Angsi terletak di dalam kawasan Taman Eko-Rimba Ulu Bendul yang mempunyai pelbagai kemudahan dan aktiviti. Antara kemudahan yang disediakan adalah kemudahan tapak perkhemahan, chalet dan asrama, kolam mandi, sungai yang cantik dan Taman Ular Sawa yang satu-satunya terdapat di Negeri Sembilan. Penganjuran acara ini sekaligus dapat mempromosikan kawasan ini kepada pengunjung-pengunjung sama ada di dalam dan diluar negara.



Sesi Flag off bersama YB Tuan Mohamad Taufek bin Abd Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan, YB Tuan Bakri bin Sawir, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani serta Tuan Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan



Pelepasan peserta



Sesi senamrobik

KATEGORI DAN PESERTA ACARA GUNUNG ANGSI CHALLENGE 2018

Acara Gunung Angsi Challenge terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu kategori competitive dan kategori non-competitive. Bagi kategori competitive di pecahkan kepada empat (4) kategori lagi iaitu :

- i. Individu Terbuka Lelaki (19-44 tahun)
- ii. Individu Terbuka Perempuan (19-39 tahun)
- iii. Individu Terbuka Veteran Lelaki (45 tahun ke atas)
- iv. Individu Terbuka Veteran Perempuan (40 tahun ke atas)

Manakala acara non-competitive terbahagi kepada dua (2) kategori lagi iaitu:

- i. Individu Terbuka Remaja (13-18 tahun)
- ii. Individu Terbuka Waghah (19 tahun ke atas)

Acara ini telah disertai oleh 600 orang peserta yang terdiri daripada masyarakat setempat dan warga tempatan. Selain itu terdapat juga penyertaan dari luar negara seramai 20 orang iaitu dari Australia, Indonesia, Kenya, New Zealand, Filipina, Singapura, Sweden dan Thailand.



PEMENANG ACARA GUNUNG ANGSI CHALLENGE 2018 KATEGORI COMPETATIVE

KATEGORI COMPETATIVE:

- a) Individu Terbuka Lelaki
Tempat 1: LEL KIPCHIRCHIR
Tempat 2: RODGERS KIPTANUI
Tempat 3: THOMAS KIPKORIR MARITIM
- b) Individu Terbuka Perempuan
Tempat 1: DANIELLE NANT
Tempat 2: NORHANI BTE MOHD JAFFAR
Tempat 3: TAN MEI WAI
- c) Individu Terbuka Veteran Lelaki
Tempat 1: JACOB KITUR KIBIWOTT
Tempat 2: JUSERY BIN GANI
Tempat 3: MOHAMAD YUSOF ILAH
- d) Individu Terbuka Veteran Perempuan
Tempat 1: FOO KAM MIEW
Tempat 2: LEE SWEE MEI
Tempat 3: FAZLIA HANIM AB HAMID



Sesi lawatan ke khemah pameran Taman Ular, Taman Eko-Rimba Ulu Bendul oleh YAB Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Tuan Mohamad Taufek bin Abd Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan.



Antara pemenang Gunung Angsi Challenge 2018

OPERASI PENGUATKUASAAN HUTAN (OPERATION LEAD II) JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK 2018 BERSAMA JABATAN/ AGENSI BERKAITAN PADA 18 SEPTEMBER 2018 HINGGA 20 SEPTEMBER 2018

Disediakan oleh: Norbaizura binti Aris
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 18-20 SEPTEMBER 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) telah mengadakan satu Operasi Penguatkuasaan Hutan (Operation Lead II) bersama pihak Jabatan/ Agensi berkaitan dan Pejabat Hutan Daerah pada 18 September 2018 hingga 20 September 2018. Operasi yang dilaksanakan ini adalah selaras dengan pelan tindakan penguatkuasaan melalui NCB/ Interpol, Bukit Aman. Berikut adalah Jabatan/ Agensi yang terlibat di dalam Operation Lead II pada tempoh tersebut.

- (i) NCB/Interpol Bukit Aman
- (ii) Polis Diraja Malaysia Negeri Perak
- (iii) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
- (iv) Pejabat Hutan Daerah
- (v) Jabatan Imigresen Negeri Perak
- (vi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak



Taklimat telah disampaikan oleh Encik Harman bin Baharudin, Penolong Pengarah Penguatkuasaan Hutan, JPNPK

Fokus Operasi Penguatkuasaan Hutan (Operation Lead II) yang dilaksanakan ini adalah melibatkan tiga (3) kawasan pemeriksaan iaitu :

- (i) Pemeriksaan premis kilang berasas kayu (IBK) ;
- (ii) Pemeriksaan hasil hutan secara transit, ; dan
- (iii) Pemeriksaan kawasan pengusahasilan hutan (Pengkuarian)

Operasi ini telah diselenggarakan bersama Jabatan/ Agensi berkaitan melalui mesyuarat dan taklimat pengoperasian.. Operation Lead II yang dijalankan selama tiga (3) hari tersebut telah membawa kepada tangkapan dan tahanan individu yang di dapati melakukan kesalahan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1985 dan kesalahan di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT 2018

Disediakan oleh: Zuraida binti Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 21 SEPTEMBER 2018

Seksyen Perpustakaan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah menganjurkan dua (2) siri Program Literasi Media dan Maklumat pada 17 April 2018 dan 21 September 2018. Objektif program ini ialah menjadi wadah perkongsian ilmu tentang kepentingan literasi maklumat dan mendedahkan peserta kepada kaedah pencarian, pengurusan dan etika penggunaan maklumat dengan lebih cekap dan efektif. Penceramah program ini ialah daripada Perpustakaan Negara Malaysia.



Peserta tekun mendengar taklimat daripada Penceramah yang dijemput daripada Perpustakaan Negara Malaysia



Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah daripada Perpustakaan Negara Malaysia



Peserta terdiri daripada pelajar FOTRAIN dan warga Ibu Pejabat JPSM.

PROGRAM LAWATAN PUSPANITA KE LUAR NEGARA SIRI 1 “HATYAI”

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Setiausaha PUSPANITA JPSM



Lawatan ke Chiang Puak Camp yang merupakan perkampungan gajah



Lawatan ke Honey Bee Farm

HATYAI, THAILAND, 22 SEPTEMBER 2018

Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) cawangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Program Lawatan PUSPANITA ke Luar Negara Siri 1 – “Hatyai” pada 22 hingga 24 September 2018. Seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA JPSM dan turut disertai oleh Timbalan Pengerusi II PUSPANITA IPJPSM, Datin Norhashimah binti Shaari telah menyertai program ini.

Antara objektif program ini adalah untuk menimba pengalaman dan mempelajari budaya luar dengan melawat ke tempat-tempat menarik di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan ahli-ahli PUSPANITA JPSM.



Bergambar kenangan di pantai Samilla

PROGRAM PENANAMAN POKOK “GO GREEN WITH SASET” DENGAN KERJASAMA SULTAN AHMAD SHAH ENVIROMENTAL TRUST (SASET) DAN PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA

Disediakan oleh: Azan Dalila binti Ahmad Tajudin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
BERA, 22-23 SEPTEMBER 2018

Program penanaman pokok “Go Green With SASET” telah dilaksanakan dengan kerjasama Sultan Ahmad Shah Environmental Trust (SASET) dan Pejabat Hutan Daerah Temerloh/ Bera pada 22-23 September 2018 di Kawasan Hutan Perlindungan Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR), Hutan Simpan Tasek Bera. Program ini merupakan program ke-6 yang telah dilaksanakan di Daerah Temerloh/ bera dan tujuan utama program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memulihkan kembali kawasan hutan yang telah diteroka oleh penduduk tempatan bagi tujuan pertanian.

Perasmian program ini telah disempurnakan perasmian oleh YAM Tengku Arif Temenggong Pahang Tengku Fahd Muadzam Shah Ibtisam Sultan Ahmad Shah. Seramai 700 peserta telah mengikuti program ini, dan mereka adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta, pelajar akademik serta NGO.

Sepanjang 2 hari program ini berlangsung, sebanyak 5000 anak pokok pelbagai spesies telah ditanam, antaranya pokok Meranti Tembaga, Meranti Temak Nipis, Merawan Siput Jantan dan Balau Pasir. Secara amnya anak pokok ini ditanam pada jarak tanaman 3 X 3 meter dan menjadikan luas keseluruhan kawasan yang telah berjaya ditanam adalah seluas 4.50 hektar.



Perasmian Program telah disempurnakan oleh YAM Tengku Arif Temenggong Pahang Tengku Fahd Muadzam Shah Ibtisam Sultan Ahmad Shah

Secara keseluruhannya, program ini telah dianggap berjaya dengan kehadiran peserta dan jumlah tanaman anak pokok melebihi target yang telah ditetapkan. Program seperti ini akan terus dirancang dan dilaksanakan oleh pihak jabatan bagi menjamin pemuliharaan hutan terosot di negeri ini dapat dilaksanakan dengan baik.



Gimik Perasmian

KURSUS GUBALAN UNDANG-UNDANG ASAS

Disediakan oleh: Line@Norline binti Zarnudin
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM

IPOH, 25 SEPTEMBER 2018

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kursus Gubalan Undang-Undang Asas pada 25 hingga 27 September 2018 di Symphony Suites Hotel, Ipoh, Perak. Peserta kursus seramai 21 orang terdiri daripada pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dalam pelbagai skim perkhidmatan (Gred G32 sehingga G48) di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Kursus ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada peserta mengenai prinsip asas penggubalan undang-undang dan membolehkan peserta menggubal draf undang-undang. Penceramah yang ditampilkan dalam kursus kali ini adalah Puan Roslinda binti Mohd Shafie dari Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara yang mahir dan berpengalaman dalam gubalan.



Ceramah Gubalan Undang-Undang Asas disampaikan oleh Puan Roslinda binti Mohd Shafie dari Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya

Kursus ini disasarkan untuk membantu pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dalam pelbagai skim perkhidmatan (Gred G32 sehingga G48) di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing dalam menggubal undang-undang asas. Pendedahan asas ini penting bagi pegawai yang akan terlibat dalam gubalan undang-undang serta meningkatkan pengetahuan dan pengalaman melalui kursus ini diharapkan dapat menghasilkan pegawai dan kakitangan yang berpengetahuan dalam menjalankan tugas selaras dengan matlamat Jabatan.

BENGKEL PEMERKASAAN SISTEM PENGURUSAN PENGELUARAN POKOK KARAS (*Aquilaria* spp.) DARIPADA HUTAN SIMPANAN KEKAL SECARA BERKEKALAN

Disediakan oleh: Nora Azlina bt Musa@Ab Ghani
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, IPJPSM

JOHOR BAHRU, 25-27 SEPTEMBER 2018

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan Hutan dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pemerksaan Sistem Pengurusan Pengeluaran Pokok Karas (*Aquilaria* Spp.) daripada Hutan Simpanan Kekal Secara Berkekalan pada 25 – 27 September 2018 bertempat di M Suites Hotel, Johor Bahru, Johor. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal).

Bengkel Pemerksaan Sistem Pengurusan Pengeluaran Pokok Karas (*Aquilaria* Spp.) Daripada Hutan Simpanan Kekal Secara Berkekalan dianjurkan bagi melihat sejauh mana keberkesanan spesies *Aquilaria* di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia diurus secara berkekalan terutamanya dari segi pengurusan pengeluarannya serta mengambil kira kehendak industri gaharu. Selain itu, ianya penting untuk memberi lebih kefahaman mengenai Akta 686 serta perlaksanaannya kepada kakitangan & pegawai JPSM, agensi/Jabatan luar, IPTA, pihak industri serta orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang ini di Semenanjung Malaysia.

Seramai 36 orang termasuk urusetia bengkel yang terdiri dari pegawai di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri serta pakar-pakar dalam bidang gaharu dari pelbagai agensi seperti FRIM, MTIB dan pengusaha-pengusaha daripada Persatuan Pengusaha Gaharu Bumiputera Malaysia (PENGHARUM) dan Aramijaya Sdn Bhd telah menyertai bengkel tersebut. Bersempena dengan bengkel tersebut juga, satu lawatan tapak ke ladang karas telah diadakan di Ladang Hutan Ulu Sedili, Kota Tinggi, Johor.

MESYUARAT DAN LAWATAN KERJA BAGI PEMANTAUAN AKTIVITI PROGRAM PENGHIJAUAN BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) PADA TAHUN 2017 DI BAWAH PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI KAWASAN JANDA BAIK, PAHANG.

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

BENTONG, 26 SEPTEMBER 2018

Mesyuarat dan Lawatan kerja bagi Pemantauan Aktiviti Program Penghijauan bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) pada Tahun 2017 di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia bagi kawasan Janda Baik, Pahang telah diadakan pada 26 September 2017 bertempat di Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Pahang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Jinis bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan.

Tujuan mesyuarat diadakan untuk membincangkan status kemajuan program penghijauan melalui aktiviti penanaman semula pokok yang telah dilaksanakan oleh pihak NGO di kawasan Janda Baik, Pahang. Pada tahun 2017, sebanyak RM250 000.00 telah diperuntukan kepada NGO bagi melaksanakan program penghijauan melalui aktiviti penanaman yang tertumpu kepada penglibatan komuniti di Cameron Highlands, Pahang dan Janda Baik, Pahang. Di Janda Baik, sebanyak dua NGO yang terlibat secara aktif dalam program ini, iaitu Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET) dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA).

Bersempena mesyuarat tersebut juga, satu lawatan ke penanaman semula pokok oleh NGO di Kompartmen 46, Hutan Simpan Lentang yang melibatkan kawasan seluas 2 hektar bagi setiap NGO yang terlibat. Tujuan utama lawatan ini ialah untuk melihat secara terus kawasan-kawasan tanaman yang diberikan kepada NGO.



Mesyuarat Pemantauan Aktiviti Program Penghijauan bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO)



Kawasan tanaman Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) di Kompartmen 46, Hutan Simpan Lentang



LAB INTERPRETASI KEPUTUSAN ANALISA PETAK KAJIAN TUMBESARAN DAN PENGELUARAN (GROWTH AND YIELD)


Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 26-28 SEPTEMBER 2018

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Lab Interpretasi Keputusan Analisa Petak Kajian Tumbesaran dan Pengeluaran (Growth And Yield) pada 26-28 September 2018 bertempat di Bilik Latihan, Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Lab yang telah dijalankan selama tiga (3) hari tersebut telah dihadiri oleh 18 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai dari kumpulan Gred G29 dan ke atas dari Bahagian Pengurusan Hutan dan Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan lab ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran dikalangan pegawai dan kakitangan IPJPSM yang terlibat dalam kerja-kerja penginterpretasian data bancian petak-petak kajian dengan menggunakan data-data bancian dari Petak Kajian Tumbesaran dan Pengeluaran (Growth & Yield). Lab ini telah disampaikan oleh Dr. Yunus bin Zakaria yang bertugas sebagai Pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan.



Sesi bergambar peserta bersama penceramah bagi Lab Interpretasi Keputusan Analisa Petak Kajian Tumbesaran dan Pengeluaran (Growth and Yield).



Dr. Yunus bin Zakaria menyampaikan ceramah kepada para peserta



Penyampaian cenderahati kepada penceramah

SEBERANG PERAI FIESTA 2018

Disediakan oleh: Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

SEBERANG JAYA, 30 SEPTEMBER 2018

Seberang Perai Fiesta 2018 yang merupakan salah satu program tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berlangsung pada 26 hingga 30 September 2018 bertempat di Tapak Pesta Seberang Jaya, Pulau Pinang. Fiesta dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Hj Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Program ini disertai oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Badan Berkanun, agensi swasta, gerai persendirian. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuklah pameran oleh jabatan-jabatan kerajaan dan agensi swasta, jualan, persembahan, pertandingan, promosi dan pelbagai aktiviti lain.

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang program tersebut bertempat di Balai Merawan Unggu termasuklah pameran berkonsepkan perhutanan, Pertandingan Selfie di dalam Taman Eko Rimba di Pulau Pinang, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Teka Nama Daun, jualan produk herba dan teh karas.



Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Encik Yusof bin Abd Rashid



Si Cilik dalam pertandingan mewarna

KURSUS PENULISAN SAINTIFIK JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM



Sesi bergambar peserta yang menghadiri Kursus Penulisan Saintifik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

KUALA LUMPUR, 3-5 OKTOBER 2018

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kursus Penulisan Saintifik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 3-5 Oktober 2018 di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Kursus yang telah dijalankan selama tiga (3) hari tersebut telah dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai Gred G41 dan ke atas dari Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memantapkan kaedah penulisan laporan saintifik di kalangan warga kerja perhutanan dalam melaksanakan tugas seharian. Kursus ini telah disampaikan oleh empat (4) orang penceramah dari Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Dr. Norizah Kamarudin, Dr. Norzanalisa Saadun, Dr. Puan Chong Leong dan Dr. Siti Nurhidayu Abu Bakar.

KESEDARAN MASYARAKAT PENJAMIN KELESTARIAN EKOPELANCONGAN

Disediakan oleh: Choong Huey Jin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUALA LIPIS, 11 OKTOBER 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menganjurkan satu Program Kesedaran Masyarakat pada 11 Oktober 2018 bertempat di Taman Eko-Rimba Jeransang. Program ini melibatkan penyertaan seramai 120 orang peserta daripada Seksyen Hutan Lipur, Pejabat Hutan Daerah Lipis dan juga komuniti Kampung Jeransang. Antara skop program ini adalah membersihkan kawasan, memotong rumput, menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan mengecat semula kemudahan serta menanam pokok secara gotong royong. Ketua Kampung Jeransang hulu, Tuan Halimi Bin Zainuddin dan Ketua Kampung Jeransang Hilir, Tuan Yunus Bin Hura telah memeriahkan Majlis Perasmian Program ini dengan menyampaikan ucapan perasmian.

Jabatan berhasrat melalui penganjuran program sebegini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat supaya lebih menghargai alam sekitar dan kemudahan rekreasi yang telah disediakan oleh Jabatan dalam bentuk Taman Eko-Rimba.



Keperihatinan dan penglibatan komuniti setempat menjamin kebersihan alam sekitar

Penganjuran program sebegini juga adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik dengan komuniti setempat kerana komuniti tempatan dapat memainkan peranan yang penting dalam menyokong usaha memelihara hutan dan pengembangan program ekopelancongan yang dilaksanakan oleh Jabatan.

PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT PERHUTANAN BERSEPADU NEGERI SEMBILAN (NEGERI SEMBILAN FORESTRY INTEGRATED INFORMATION SYSTEM: FIS-9) OLEH JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Disediakan oleh: **Stephinie Lai @ Lai Rei Yeni**
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SEREMBAN, 15 OKTOBER 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan (JPNNS) telah membangunkan sistem maklumat perhutanan bersepadu dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat dikenali sebagai Sistem Maklumat Perhutanan Bersepadu Negeri Sembilan (Negeri Sembilan Forestry Integrated Information System: FIS-9). Sistem ini adalah bagi mencerap, memproses, menganalisis data untuk menghasilkan maklumat dan laporan dengan menyeluruh dan komprehensif. Pembangunan sistem yang mengintergrasikan lima (5) modul iaitu Inventori Sebelum Tebangan (Pre-F), Penandaan Pokok, Hasil Hutan, Balai Pemeriksaan Hutan dan Inventori Selepas Tebangan (Post-F).

Beberapa siri test-run dan penggunaan sistem di lapangan dan pejabat yang melibatkan kakitangan lapangan serta kontraktor sistem yang dilantik iaitu Neraca Niaga Sdn. Bhd yang dimiliki oleh Universiti Teknologi Melaka Malaysia (UTeM) telah diadakan sepanjang tahun 2018. Antaranya:

- i. Taklimat dan demostrasi lapangan Sistem FIS-9 sempena Lawatan Kerja Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Hj. Nor Akhiruddin bin Mahmud pada 15 Oktober 2018;
- ii. Final Acceptance Test (FAT) bagi Modul PreF, Tagging dan Post F di UTeM pada 16 November 2018;
- iii. Bengkel Hands-On Sistem FIS-9 di Pusat Eco-Edu tourism, Sg. Menyala pada 13-15 November 2018;
- iv. Taklimat dan demonstrasi lapangan sistem FIS-9 sempena lawatan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang pada 10 Disember 2018



Taklimat dan demostrasi lapangan Sistem FIS-9 sempena Lawatan Kerja Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Hj. Nor Akhiruddin bin Mahmud pada 15 Oktober 2018



Final Acceptance Test (FAT) bagi Modul Pre-F, Tagging dan Post F di UTeM pada 16 November 2018



Bengkel Hands-On Sistem FIS-9 di Pusat Eco-Edu tourism, Sg. Menyala pada 13-15 November 2018



Taklimat dan demonstrasi lapangan sistem FIS-9 sempena lawatan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang pada 10 Disember 2018

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-38 TAHUN 2018

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Setiausaha PUSPANITA JPSM

BANGI, SELANGOR, 20 OKTOBER 2018

Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Peringkat Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-38 Tahun 2018 yang diadakan di Bangi bermula pada 20 Oktober 2018 sehingga 24 Oktober 2018. Objektif program ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri melalui pelbagai aktiviti yang disusun.

Seramai 20 orang ahli PUSPANITA termasuk anak-anak Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti berfaedah dan menarik telah diadakan antaranya adalah Lawatan ke Baitul Hilal, Rumah Api serta meninjau aktiviti eko-pelancongan (Paragliding) di Bukit Jugra, Kuala Langat dan juga aktiviti menanam anak pokok api-api di kawasan Beting Labu Lemak, HS Pulau Klang. Seterusnya semua ahli turut dibawa melawat ke Akademi Tahfiz Mandarin Pulau Ketam, Rumah Orang-orang Tua (Pusat Jagaan Al-Fikrah), Perkampungan Orang Asli Pulau Carey dan juga melihat aktiviti industri desa yang menjalankan pemprosesan kerepek di IKS Ros Enterprise, Banting, Selangor. Pada sebelah malam, turut diadakan perlawanan bowling di Ampang Superbowl@Kajang di Kompleks Metro Point, Kajang bagi merapatkan silaturahim sesama ahli.



Aktiviti kebudayaan bersama komuniti Orang Asli Mahmeri



Aktiviti beramah mesra bersama warga emas semasa Lawatan Bakti ke Rumah Orang-Orang Tua, Pusat Jagaan Al-Fikrah



Semua peserta yang terlibat bagi Program Penanaman Pokok di kawasan Beting Labu Lemak, Hutan Simpan Pulau Klang



Penyampaian sumbangan kewangan kepada wakil Akademi Tahfiz Mandarin Pulau Ketam



TRAIL HUNT @ PUSAT EDU-ECOTOURISM SUNGAI MENYALA

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Sesi Flag off bersama Encik Noradli @ Mohd Adli bin Parsada, Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 20 OKTOBER 2018

Bersempena dengan Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan yang telah berlangsung pada 19 hingga 21 Oktober 2018, Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan bersama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menganjurkan Pertandingan Trail Hunt pada 20 Oktober 2018 bertempat di Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala, Port Dickson. Seramai 80 orang penjawat awam Negeri Sembilan yang terdiri daripada 20 kumpulan peserta telah menyertai pertandingan ini. Setiap kumpulan peserta dikehendaki terdiri daripada jabatan yang sama dan dikenakan bayaran sebanyak RM50 sebagai yuran pendaftaran. Penganjuran Minggu Inovasi ini bertujuan memantapkan kefahaman dan komitmen masyarakat mengenai agenda inovasi negara juga dapat membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan penjawat awam yang perlu diterjemahkan.

Terdapat 10 Checkpoint dengan jarak perjalanan sejauh 3.5km melalui trek Denai Warisan Hutan, Galeri Perhutanan dan Galeri Penghuni Rimba yang perlu diselesaikan oleh peserta. Antara yang menarik di setiap checkpoint, peserta berpeluang menikmati panorama Hutan Simpan Dara serta mengenali spesies-spesies pokok yang terdapat di dalamnya, mengetahui jenis-jenis kayu, mempelajari sejarah orang asli dan yang paling menarik, peserta berpeluang untuk melihat Pokok Jelutong terbesar di Negeri Sembilan yang menjangkau usia melebihi 100 tahun. Para peserta dibenarkan untuk memulakan pertandingan dimana-mana checkpoint yang dikehendaki tetapi perlu menyelesaikan kesemua checkpoint dan membawa kertas jawapan serta barang yang diberikan ke garisan penamat. Mana-mana kumpulan peserta yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan disingkirkan.



Cari dan teka khazanah alam semulajadi



Antara kumpulan peserta yang mengambil bahagian

Hadiah Utama, pemenang menerima RM1,000.00 beserta Sijil Penyertaan, Hadiah Kedua, RM750.00 beserta Sijil Penyertaan dan Hadiah Ketiga, RM500.00 beserta Sijil Penyertaan. Lima Hadiah Saguhati pula, para pemenang menerima sebuah hamper beserta Sijil Penyertaan. Pemenang Tempat Pertama ialah Polis Diraja Malaysia dari Balai Polis Senawang, Pemenang Tempat Kedua dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan Pemenang Tempat Ketiga pula adalah dari Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah. Manakala lima Pemenang Saguhati adalah dari Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Majlis Perbandaran Seremban 2, Majlis Perbandaran Seremban 1, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan.

KURSUS PENGENALAN DAN PENGECAMAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI KUMPULAN PELAKSANA GRED G19-G29 TAHUN 2018

Disediakan oleh : Noor Azrien Binti Zainon dan Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



Sesi Bergambar Penceramah, Para Peserta dan Urus setia Kursus di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu, Kuala Berang, Terengganu



Sesi Amali Pengumpulan Herbarium dan Pengecaman Pokok



Kursus ini juga memberi fokus kepada 15 spesies Pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam (Critically Endangered) dalam Kawasan Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah daripada Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM). Para penceramah dan fasilitator mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai spesies Dipterokarpa terancam di Semenanjung Malaysia. Mereka ini adalah Dr. Lillian Chua Swee Lian (Pegarah Bahagian Biodiversiti Hutan (Jusa C)), Puan Wendy Yong (Pegawai Penyelidik (Q41)), Puan Suhaida Mustafa (Pegawai Penyelidik (Q41)), Puan Ummul Nazrah Abdul Rahman (Pegawai Penyelidik (Q41)), Encik Norzamli Amlil (Pembantu Awam (H11)) dan Encik Ayau Kanit (Pembantu Awam (H11)).

Kursus selama empat hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan di dalam kumpulan yang meliputi penyediaan spesies terancam dalam bentuk herbarium. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi pengecaman spesies terancam iaitu di Kompartmen 31, Hutan Simpanan Jerangau, Terengganu. Spesies yang ditemui adalah Dipterocarpus palembanicus (Keruing ternek), Vatica mangachapoi (Resak julong), Dipterocarpis eurynchus (Keruing baran), Hopea pubescens (Merawan bunga), Vatica mizaniiana (Resak), Dipterocarpus sarawakensis (Keruing layang), Hopea nutans (Giam) dan Dipterocarpus lowii (Keruing sol).



Sesi Ceramah dan Ujian Penilaian



KUALA BERANG, 22-25 OKTOBER 2018

Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia Bagi Kumpulan Pelaksana Gred G19-G29 Tahun 2018 pada 22-25 Oktober 2018 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu, Kuala Berang, Terengganu yang terdiri daripada 30 orang Kumpulan Pelaksana Gred G19-G29 Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia terutamanya spesies Dipterokarpa kategori Sangat Terancam (Critically Endangered) dan memberi penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan secara amali.

PROGRAM RESTORASI KAWASAN HUTAN TEROSOT DI HUTAN SIMPAN TERLA A (SEBAHAGIAN KOMPT. 3), CAMERON HIGHLANDS DENGAN TANAMAN SPESIES EUCALYPTUS HYBRID SELUAS ±1.0 HEKTAR BERSAMA KOMUNITI SETEMPAT

Disediakan oleh : Mohd Saman bin Mohd Sanget
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

CAMERON HIGHLANDS, 28 OKTOBER 2018

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah menganjurkan Program Restorasi Kawasan Hutan Terosot di Hutan Simpan Terla A (Sebahagian Kompt. 3), Cameron Highlands dengan Tanaman Spesies Eucalyptus Hybrid seluas ±1.0 Hektar bersama Komuniti Setempat pada 28 Oktober 2018 bertempat di Sebahagian Kompt. 3, Hutan Simpan Terla A, Cameron Highlands, Pahang. Program ini telah menarik seramai 250 orang penyertaan yang terdiri daripada Chiba University, Japan (1 orang), UniKL (20 orang), IPJPSM (22 orang), Lion Club (50 orang), Pelajar SMK Kg. Raja (44 orang), Pekebun (31 orang), JPNP (30 orang) dan Kakitangan PHD C.H & Pemandu JPNP (50 orang). Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan turut dihadiri YBhg. Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Encik Mohd Rahim bin Rani, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Program ini bertujuan untuk mencapai salah satu objektif penanaman di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemeliharaan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia. Penanaman anak pokok bersama komuniti setempat ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat setempat terhadap pemuliharaan biodiversiti hutan dan pengkalan kestabilan alam sekitar. Pada program kali ini para peserta telah menanam sebanyak 2,000 anak pokok Eucalyptus hybrid.



Tanaman pokok sebagai acara perasmian



YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin bin Mahmud, KPPSM bersama-sama Pelajar SMK Kg. Raja



Sesi bergambar



Semangat kekeluargaan dalam memulihara alam sekitar



Program penanaman pokok



Program penanaman pokok

TINJAUAN EKOPELANCONGAN JPSM KE KAWASAN KONSERVASI KANYON IMBAK, SABAH PADA 1-4 NOVEMBER 2018

Disediakan oleh :Shahril Bin Mohamad
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPPJPSM

SANDAKAN, 1-4 NOVEMBER 2018

Satu program Tinjauan Ekopelancongan JPSM ke Kawasan Konservasi Kanyon Imbak, Sabah telah diadakan pada 1-4 November 2018 yang mana delegasi JPSM seramai 25 orang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Program ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan maklumat berhubung dengan pengurusan kawasan ekopelancongan di dalam hutan simpan di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Kumpulan Yayasan Sabah (YSG).

1 NOVEMBER 2018 (KHAMIS) - Program dimulakan dengan Kunjungan Hormat KPPSM ke SFD dan delegasi telah disambut di Ibu Pejabat Perhutanan Sabah, Sandakan untuk sesi taklimat dan perkongsian maklumat berhubung dengan pengurusan kawasan ekopelancongan di dalam hutan simpan di Negeri Sabah.



Ketibaan KPPSM ke Ibu Pejabat SFD



Sesi taklimat oleh SFD berhubung dengan pengurusan kawasan ekopelancongan di Negeri Sabah

2 NOVEMBER 2018 (JUMAAT) - Perjalanan ke ICCA mengambil masa 5 jam dari Bandar Sandakan dan delegasi dibawa melawat ke Tawai Rainforest Camp, Telupid dan Pusat Maklumat Ulu Kinabatangan yang terletak di sepanjang jalan menuju ke ICCA di mana kawasan ini merupakan salah satu kawasan ekopelancongan di bawah seliaan SFD.



Tawai Rainforest Camp



Taklimat disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Tongod



Pusat Maklumat Ulu Kinabatangan



Taklimat oleh Dr. Yap Sau Wai, Pengurus Bahagian Konservasi dan Alam Sekitar, YSG



Tayangan video dokumentari BBC

3 NOVEMBER 2018 (SABTU) - Aktiviti dimulakan dengan merentis denai hutan ke Imbak Falls dan pokok Belian besar, yang mana terletak lebih kurang 1.8 km daripada ICCA. Para delegasi memulakan perjalanan pada jam 9.00 pagi dan tiba di pokok Belian besar satu jam kemudian sebelum menyambung perjalanan ke Imbak Falls untuk sesi bergambar kumpulan dan makan tengahari. Keseluruhan perjalanan mengambil masa 3 jam 30 minit.



Trailhead denai Imbak Falls & pokok Belian besar



Rentas sungai di denai Imbak Falls & pokok Belian besar



Imbak Falls



Pokok Belian besar



Penamat denai Bukit Imbak

Delegasi turut dibawa melawat ke Environmental Education (EE) Trail yang terletak di ICCA. EE Trail merupakan denai berkonsep pembelajaran dan pengalaman alam sekitar kepada kumpulan sasar tertentu, terutamanya pelajar sekolah dan penuntut universiti. Pelbagai spesies tanaman herba, palma dan pokok-pokok besar telah ditanam di sekitar EE Trail bagi tujuan ini.



KPPSM di bawa meninjau EE Trail



Antara rekabentuk unik denai di EE Trail

Program pada hari berkenaan diakhiri dengan aktiviti Night Walk & Night Drive, di mana delegasi di bawa oleh penunjuk arah untuk melihat flora dan fauna yang dapat ditemui di sekitar ICCA.



Night Drive



Night Walk

4 NOVEMBER 2018 (AHAD) - Delegasi mengakhiri program ini dengan memulakan perjalanan pulang dari ICCA ke Lapangan Terbang Sandakan seawal jam 5.00 pagi dan satu majlis penghargaan ringkas telah diadakan bagi memberi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada En. Mohamad bin Hj. Abu Bakar, Pegawai Hutan Daerah Tongod yang telah mengikuti delegasi sejak permulaan program hingga akhirnya.



Penghargaan kepada Pegawai Hutan Daerah Tongod

KURSUS PEMANDUAN DAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Irwan bin Pilus
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
MANTIN, 7 NOVEMBER 2018

Kursus Pemanduan dan Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) anjuran Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan telah dijalankan dengan jayanya selama 3 hari bermula 7 hingga 9 November 2018 bertempat di Hutan Simpan Gapau, Jelebu, Negeri Sembilan. Seramai 23 orang kakitangan jabatan yang terdiri daripada Pemandu Tetap dan Pemandu Sementara telah menghadiri kursus ini.

Matlamat kursus ini diadakan adalah bertujuan untuk memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran pemandu kenderaan jabatan dalam pemanduan pacuan empat roda semasa menjalankan tugas terutamanya di dalam kawasan hutan simpan dengan kaedah dan teknik yang betul. Disamping itu, pemandu kenderaan jabatan juga perlu mengetahui langkah-langkah yang harus diambil jika berlaku sebarang kecemasan. Para peserta kursus turut diajar mengenai kaedah bahasa isyarat, teknik penggunaan gear yang betul, teknik membina dan meniti jambatan serta teknik penggunaan peralatan pemulihan.



Peserta Kursus Pemanduan dan Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4)



Latihan Pemanduan di lapangan

KEM CINTA ALAM 2018 @ PUSAT EDU-ECOTOURISM SUNGAI MENYALA

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



PORT DICKSON, 9 NOVEMBER 2018

Kem Cinta Alam merupakan kem tahunan anjuran Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kem ini memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berkaitan ilmu perhutanan dan peluang mengalami suatu proses pembelajaran khasnya dalam bidang perhutanan. Kem Cinta Alam 2018 pada kali ini telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2018 bertempat di Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala, Port Dickson,

Negeri Sembilan. Seramai 30 orang pelajar berumur dari 7 hingga 15 tahun daripada Taman Perumahan Presint 15, Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan kerjasama YB Tuan Hj. Mohd Khidir bin Majid, Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus telah mengikuti program ini.

Pelbagai modul telah dilaksanakan antaranya ialah Modul Ice Breaking, Modul Forest Whisperer, Modul Ikhtiar Hidup, Modul Sensory Hunt and Invent an Animal, Modul Spider Web and Obstacles, Modul Role Play dan Modul Treasure Hunt.

Majlis Perasmian Penutup telah dirasmikan sendiri oleh YB Tuan Hj. Mohd Khidir bin Majid, Pegawai Kewangan Negeri dan turut diiringi oleh Tuan Hj. Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. YB Tuan Hj. Mohd Khidir bin Majid, Pegawai Kewangan Negeri juga turut menyampaikan cenderahati kepada para peserta serta kepada peserta terbaik lelaki iaitu adik Zainal Abidin bin Abu Bakar dan peserta terbaik perempuan iaitu adik Marissa binti Ahmad Fahmi.



Persembahan unik dari peserta cilik

PROGRAM LAWATAN SEKOLAH KE IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Zuraida binti Mohd Aziz
Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM



Taklimat bersama KUPA dan maskot JPSM

KUALA LUMPUR, 12 NOVEMBER 2018

Program ini telah dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Bahagian Latihan Perhutanan serta Bahagian Teknikal dan Industri Kayu. Program ini telah diadakan pada 12 November 2018 sehingga 21 November 2018. Seramai 350 orang pelajar yang terlibat dengan enam (6) buah sekolah sekitar Lembah Kelang. Antara aktiviti yang dijalankan semasa sesi lawatan ini adalah:

- 1) Lawatan ke Perpustakaan
- 2) Lawatan ke Galeria Perhutanan
- 3) Taklimat poster
- 4) Aktiviti ikhtiar hidup
- 5) Sesi pengenalan tumbuhan hutan dan pokok herba

Program ini diadakan bertujuan untuk:

- (i) Mendedah pelajar dengan objektif penubuhan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- (ii) Mendedahkan pelajar dengan pengenalan awal subjek alam sekitar.
- (iii) Memberi pendedahan awal tentang kerjaya dalam bidang perhutanan seperti Pemelihara Hutan dan Renjer Hutan dan skop kerjaya yang berkaitan dengannya.



Sesi bergambar bersama pelajar sekolah di Dewan Damar Minyak.



Sesi menjawab soalan kuiz di Perpustakaan.



Pelajar diberikan pendedahan aktiviti ikhtiar hidup oleh Bahagian Latihan Perhutanan

PROGRAM GOTONG ROYONG ZON 1 TAMAN RIMBA WAWASAN

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 21-22 NOVEMBER 2018

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Program Gotong Royong Peringkat Bahagian pada 21 dan 22 November 2018 bertempat di Zon 1, Taman Rimba Wawasan. Program yang diketuai oleh Encik Radhi Chu bin Abdullah, Ketua Seksyen Pengurusan Hutan Tanah Lembap ini berlangsung selama 2 hari melibatkan semua kakitangan Bahagian Pengurusan Hutan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memastikan kebersihan dan keceriaan persekitaran zon angkat ini sentiasa terjaga dan persekitaran pejabat berada dalam suasana kondusif dan selesa. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pembersihan parit, menebang pokok merbahaya, membersihkan semak serta resam dan penanaman pokok Manggis (*Garcinia mangostana*) oleh Encik Radhi Chu bin Abdullah sebagai simbolik program tersebut.



Penanaman anak pokok Manggis (*Garcinia mangostana*)
oleh Encik Radhi Chu bin Abdullah

LARIAN MERENTAS DESA “MALAYSIA ACTION ASIA 50 JANDA BAIK PAHANG”

Disediakan oleh: Choong Huey Jin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

JANDA BAIK, 25 NOVEMBER 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Action Asia Event telah menganjurkan satu acara larian merentas desa pada 25 November 2018 (Ahad) bertempat di Janda Baik, Bentong, Pahang. Objektif utama penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memupuk sifat mencintai alam sekeliling dan khasnya meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara hutan. Selain itu, acara ini juga dapat memupuk gaya hidup yang sihat dan cergas.

Terdapat empat (4) kategori jarak bagi acara ini iaitu 5km, 10km, 24km dan 50km. Acara ini adalah terbuka kepada penyertaan awam dan telah mendapat sambutan yang baik dengan seramai lebih kurang 300 penyertaan dari dalam dan luar Negara.

Tujuh (7) kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan seorang daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyertai larian ini. Antaranya, Encik Muhd Rahman bin Wahid (kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang), telah memenangi tempat pertama dalam kategori larian 50km Lelaki (peringkat umur 40-49) dan tempat kelima dalam kategori larian 50km Lelaki keseluruhan.



Barisan pemenang

PROGRAM “CAKNE AQEELAH TRAIL 2018 (CAT’18), GUNUNG DATUK”

Disediakan oleh: Shahrul Rizal bin Baharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Upacara “Flag Off” oleh Tuan Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

REMAU, 1 DISEMBER 2018

Satu program pendakian amal “CAKNE Aqeelah Trail 2018 (CAT’18), Gunung Datuk” telah diadakan di Taman Eko-Rimba Gunung Datuk pada 1 Disember 2018. Program ini merupakan acara tahunan anjuran Persatuan Kanser dan Kanak-Kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) (CAKNE) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Nama program ini diambil sempena memperingati dan mengambil semangat bekas pesakit kanser Allahyarhamah Nurul Aqeelah yang telah mendaki Gunung Datuk sebanyak 14 kali sepanjang hayat beliau.

Antara objektif utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kanser kanak-kanak, memberi semangat kepada pesakit kanser kanak-kanak dan keluarga mereka, menggalakkan gaya hidup sihat dan cergas bagi bekas pesakit kanser dan juga mengumpul dana untuk tabung kebajikan CAKNE. Peserta daripada program pendakian amal ini dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak RM80 seorang. Setiap peserta perlu menamakan seorang pesakit kanser kanak-kanak yang mereka wakili. Setiap peserta akan memakai t-shirt yang mengandungi nama pesakit yang diwakilinya tanda sokongan program ini.



Peserta dewasa dan si cilik yang berjaya menawan puncak Gunung Datuk



Peserta, sukarelawan dan bekas pesakit kanser yang menayakan program CAKNE Aqeelah trail (CAT’18)

LAWATAN DELEGASI SARAWAK FORESTRY CORPORATION (SFC) KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh : Norbaizura binti Aris
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 2 DISEMBER 2018

Satu Lawatan Kerja dan sambil Belajar ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) oleh delegasi Sarawak Forestry Corporation (SFC) telah diadakan pada 2 hingga 6 Disember 2018 melibatkan seramai 30 orang. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk memberi pendedahan dan demonstrasi kepada delegasi berkenaan sistem pengurusan hutan di Negeri Perak. Lawatan Kerja dan Sambil Belajar ini melibatkan lawatan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH) Sungai Siput (U) dan kawasan lesen di HSK Piah Daerah Kuala Kangsar yang sedang diusahakan.



Sesi bergambar bersama peserta lawatan

PROGRAM "SAVE OUR FOREST: RUNWILD AT CHAMANG FALLS"

Disediakan oleh: Choong Huey Jin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

BENTONG, 9 DISEMBER 2018

Bagi meningkatkan lagi kesedaran awam mengenai peranan hutan dan kepentingan pemeliharaan hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Runwild Event telah menganjurkan satu program "Save our Forest: Runwild at Chamang Falls" pada 9 Disember 2018 bertempat di Taman Eko-Rimba Chamang, Bentong, Pahang. Program yang berbentuk karnival ini terdiri daripada pelbagai aktiviti menarik antaranya larian merentas desa sepanjang 10km, aktiviti mencari harta karun (treasure hunt), berbasikal santai, pameran perhutanan, pertandingan Instagram, demonstrasi pemprosesan madu kelulut, kuiz perhutanan, kraftangan berunsurkan sumber semula jadi, pensampelan teh herba percuma dan sebagainya.

Program ini merupakan salah satu aktiviti dalam usaha Jabatan dalam merungkai potensi ekopelancongan hutan bagi memupuk sifat mencintai alam sekitar di kalangan masyarakat. Seramai 150 orang peserta dari pelbagai Negara dan pelbagai peringkat umur telah menyertai program ini. Melalui program ini juga, Jabatan telah dapat memperkenalkan keindahan Taman Eko-Rimba Chamang ini kepada orang ramai.



Pelepasan peserta larian merentas desa 10km.



Aktiviti berbasikal santai.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE JOHOR BAHRU BAGI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS PENGARAH (AKP) TAHUN 2017 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Norden bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

JOHOR BHARU, 12-14 DISEMBER 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mengadakan program lawatan sambil belajar ke Negeri Johor bagi memberi penghargaan serta meraikan kakitangan JPNP yang menerima APC dan AKP tahun 2017. Program ini dilaksanakan pada 12 hingga 14 Disember 2018 melibatkan 81 orang peserta. Lawatan ini juga turut disertai oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Tempat-tempat yang dilawati adalah Ladang Herba Nasuha, Taman Negara Tanjung Piai, Johor dan Galeri Seni Johor.

Program ini adalah satu bentuk insentif kepada kakitangan JPNP yang telah memberikan komitmen dalam melaksanakan tugas serta menjadi pemangkin keyakinan dan produktiviti kepada kakitangan yang lain untuk meningkatkan lagi usaha, produktiviti dan menghasilkan kerja yang berkualiti pada masa akan datang.

Selain itu, melalui program lawatan ini juga diharapkan akan dapat memberikan suasana serta pengalaman baharu selain daripada rutin kerja harian seterusnya mencetuskan idea-idea baharu yang boleh digunakan dalam melaksanakan tugas dengan lebih baik.



Bersama YH. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Pahang melawat Tanjung Piai, Johor Bharu.

PENUBUHAN IPJPSM KID'S CORNER DIBAWAH PROGRAM PEMENTORAN JPSM 2018

Disediakan oleh : En. Othman bin Deris / Mohd. Hafiz Hairi Bin Amerudin / Nur 'Afifi Binti Ahmad
Program Pementoran JPSM 2018

KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2018

Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam merupakan salah satu program yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2005 : Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Dalam pekeliling tersebut, Panduan Pelaksanaan Program Pementoran secara umum telah dijelaskan dalam Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi melalui Program Pengupayaan Kendiri (PPK) yang merupakan satu kaedah dalam mengurus sumber manusia bagi mempertingkatkan kecemerlangan diri pegawai.

Program Pementoran di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mula melaksanakan sejak tahun 2015 lagi. Pada mulanya, program pementoran adalah berdasarkan kepada pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan kepada mentee dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara profesional untuk kerjaya pada masa akan datang.

Pada tahun 2018, Program Pementoran JPSM dilaksanakan menggunakan format yang berbeza berbanding pada tahun sebelumnya dimana program pementoran dilaksanakan berdasarkan kepada pelaksanaan projek yang dibimbing oleh mentor masing-masing. Salah satu tugas untuk program pementoran ini adalah untuk mewujudkan bilik IPJPSM Kid's Corner. Mentor dan mentee yang terlibat dengan IPJPSM Kid's Corner adalah seperti berikut:



YBhg. Dato' Hj. Nor Akharrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia melancarkan tabung kutipan sumbangan IPJPSM Kid's Corner



Aktiviti gotong-royong mentee-mentor Program Pementoran JPSM 2018

- BIL. MENTOR
 1 Pn. Nor Halizah binti Abd Halim
 2 En. Othman bin Deris

- MENTI
 En. Mohd Khairul bin Abdullah
 Pn. Suhana binti Bebakar
 En. Mohd Hafiz Hairi bin Amerudin
 Cik Nur 'Afifi binti Ahmad

Peruntukan bagi penubuhan IPJPSM Kid's Corner ini adalah daripada hasil sumbangan warga JPSM dan Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (PKSIP).

Penubuhan IPJPSM Kid's Corner adalah sebagai transit sementara anak-anak kepada kakitangan IPJPSM sekiranya mereka perlu membawa anak-anak ke pejabat disebabkan perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.

Penubuhan IPJPSM Kid's Corner ini dilaksanakan secara gotong-royong diantara mento-menti Program Pemetoran JPSM 2018 dengan membuat penyelenggaraan Bilik Gimnasium sediaada kepada bilik IPJPSM Kid's Corner.

Pada 14 Disember 2018, Bilik IPJPSM Kid's Corner ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin Bin mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



YBhg. Dato' Hj. Nor Akhrrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia merasmikan IPJPSM Kid's Corner



Lawatan ke IPJPSM Kid's Corner

LAWATAN KERJA YBHG. DATO' HAJI NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

Disediakan oleh: Umikalsum binti Nan
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka



Lawatan YBhg. Dato' Nor Akhirrudin bin Mahmod, KPPSM ke Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

AYER KEROH, 17-18 DISEMBER 2018

Satu lawatan kerja YBhg. Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah diadakan pada 17 hingga 18 Disember 2018. Lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri serta Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Tujuan lawatan ini adalah untuk YBhg. Dato' membuat pemantauan ke atas perancangan, pengurusan dan pelaksanaan semua aktiviti, program pembangunan dan pengurusan hutan yang telah dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri Melaka di samping memberi input dan cadangan penambahbaikan yang mana dilihat mampu meningkatkan pengurusan dan pembangunan di Jabatan ini. Selain itu, lawatan kerja ini juga merupakan suatu platform bagi membincangkan dan membuat percambahan idea daripada tetamu jemputan yang hadir.

Beberapa program telah diatur sepanjang lawatan kerja berkenaan seperti program tanam pokok di Taman Botanical Ayer Keroh, lawatan sekitar Pejabat Perhutanan Negeri Melaka; lawatan sekitar Pejabat Hutan Daerah Melaka Tengah; dan lawatan serta taklimat di kawasan penanaman spesies persisiran pantai di bawah program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara di Hutan Simpan Merlimau Tambahan.



Selain itu, satu lawatan ke kawasan bekas perlombongan pasir di HS Bukit Senggeh, Daerah Jasin; lawatan ke pusat konservasi dan penerangan penyu di Padang kemunting, Melaka dan lawatan ke kilang pemprosesan pokok Karas dan produk Gaharu di Kilang BioBenua Sdn. Bhd., Kuala Linggi, Daerah Alor Gajah.

Secara keseluruhannya, program seumpamanya ini sangat penting terutamanya dalam membincangkan serta memberi padangan berkenaan pengurusan dan mencari alternatif terbaik bagi menangani setiap isu yang timbul.

MEMOIR CATATAN MALAYAN FORESTER VOLUME I, 1931

Disediakan oleh: Abu Bakar bin Rapae,
Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan, IPJPSM

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, syair merupakan karangan bersajak yang setiap rangkap terdiri daripada empat (4) baris yang sama bunyi di hujungnya. Walau bagaimanapun, susunan tersebut adakalanya berubah mengikut peredaran zaman. Kata atau istilah syair adalah terbit daripada maksud Bahasa Arab yaitu 'Syi'ir atau Syu'ur yang berarti "perasaan yang menyedari" (Jurnal RISALAH, Jilid. 26, No. 4, Disember 2015: 159-165 –Muhamad Reza Akmal). Kemudian kata Syu'ur berkembang menjadi Syi'ru yang bererti puisi dalam pengetahuan umum masyarakat Melayu di Nusantara. Pengertian yang lain, syair adalah salah satu puisi lama berasal dari Parsi yang dibawa ke Nusantara oleh pendakwah Islam ke rantau Nusantara termasuk Malaysia. Dalam konteks masyarakat Melayu, syair mempunyai unsur yang tersendiri dan alunan penyampaian yang unik. Fungsi syair adalah untuk menyampaikan penceritaan dan pengajaran serta banyak diamalkan dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

Mengikut satu artikel dalam Malayan Forester Volume 1, 1931 (MF Vol.1) yang diterbitkan pada bulan Ogos 1931, ada mengeluarkan satu pernyataan berkaitan pokok yang terdapat di Tanah Melayu ketika itu dalam bentuk syair. Artikel tersebut cuba mengetengahkan senario masyarakat Melayu dengan hutan itu sendiri seperti digambarkan dalam bait-bait syair atau gurindam tersebut. Kenyataan di atas menunjukkan bahawa artikel dan penulisan awal berkaitan pokok-pokok hutan di Tanah Melayu cuba untuk ditonjolkan oleh pengarang MF Vol.1 melalui suatu dokumen perhutanan pada ketika itu. Sebelum MF Vol. 1 diterbitkan, telah ada penerbitan artikel berkaitan perhutanan tetapi artikel tersebut berbentuk laporan bulanan yang dikenali sebagai "Current Events" yang hanya diedarkan kepada pegawai-pegawai perhutanan sahaja pada ketika itu.

Di sebalik bait-bait syair tersebut adalah jelas bahawa penulis ingin menceritakan perihal pokok-pokok yang terdapat di persekitaran dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu. Terdapat dua (2) jenis pokok yang disebutkan iaitu pokok Malabera Bukit (Mussaendopsis beccariana) dan Lontong (Nephelium eriopetalum).

1. Pokok Malabera
Juga dikenali sebagai pokok kobis disebabkan daunnya yang kelihatan seperti daun kobis. Pada masa ini, pokok Malabera digunakan sebagai pokok perhiasan dan restorasi. Tetapi pada zaman dahulu, pokok ini mungkin penting kepada masyarakat Melayu sebagai bahan utama kayu api. Penceritaan dan penggunaan ayat bagi menggambarkan bentuk batang dan daun masih digunapakai sehingga kini seperti 'gombang' dan 'canggai' yang merujuk kepada bentuk daun Malabera. Selain itu, penyair juga menceritakan lokasi pertumbuhan pokok tersebut yang tumbuh sesuai di kawasan tanah rendah lembap (wet lowland).
"Maka pokok Malabera itu tidak berapa baik,
Daun-nya pun gombang dan kechil-nya tangkai,
Batang-nya berduri dan ekor-nya Changgai,
Dan kelaziman bertumbuh di-paya,"

2. Pokok Lotong
Juga dikenali sebagai pokok rambutan hutan kerana buahnya yang boleh dimakan. Kepentingannya adalah sebagai pokok buah-buahan hutan yang boleh dimakan (edible) pada zaman dahulu. Dan Kayu lotong itu kulit-nya hitam sangat,
Getah-nya berwarna putih, daun terbit rapat,
Buah pun rupa tandok kerbau,
batang-nya tegak tepat,
Dan getah orang mengulum"

Penyair ingin menyatakan perihal pokok-pokok hutan yang paling dekat dengan masyarakat Melayu dan di peringkat awal penulisan artikel pihak pengarang MF vol.1 telah menyembunyikan identiti dan nama penyair sebenar. Walau bagaimanapun, sesuatu yang menarik adalah alunan syair yang dialunkan mengikut tempo lagu 'John Brown's Body'. Ini merupakan lirik lagu yang berasal daripada Amerika Syarikat yang dinyanyikan sebagai lagu perbarisan (marching tune) semasa Perang Saudara Amerika. Antara perkara menarik dalam syair tersebut adalah:

- Catatan berbentuk syair berkaitan pokok hutan yang dekat dengan amalan budaya masyarakat Melayu ketika itu, pertama kali dicatat dalam dokumen perhutanan seperti Malayan Forester,
- Tidak diketahui nama pengarang syair seperti yang dicatat di bawah syair tersebut (nama dirahsiakan), dan
- Syair pokok tersebut diolah dalam alunan 'John Brown's Body' dan diterbitkan dalam Malayan Forester Vol. I, 1931.

The mean annual girth increment of forest officers is said to be remarkably low. We understand that the formation of a sample plot is under consideration in the Negri Sembilan and Malacca division from whence some of the best increments in the larger girth classes are recorded.

* * * * *

Sha'er Pokok Pokok.

(Tune "John Brown's Body")

Maka pokok Malabera itu tidak berapa baik,
Daun-nya pun gombang dan kechil-nya tangkai,
Batang-nya berduri dan ekor-nya Changgai,
Dan kelaziman bertumbuh di-paya.
Dan Kayu lotong itu kulit-nya hitam sangat,
Getah-nya berwarna putih, daun terbit rapat,
Buah pun rupa tandok kerbau, batang-nya tegak tepat,
Dan getah orang mengulum.

(To be continued).

We have assured our contributor that we will do our best to keep his identity secret, but that should it become known we cannot answer for the consequences.

Sha'er Pokok Pokok

SHOREA KUANTANENSIS TELAH PUPUS?

Disediakan oleh: Nurul Fazleeayu Fazeela binti Ab Kadir
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM



Proses Menentusah Shorea kuantanensis di lapangan oleh staf JPSM. En. Mohd. Nasir bin Mohd berdiri pada sebelah paling kanan manakala En. Salleh bin Endut pada sebelah kanan beliau (berbaju oren)

Pada era globalisasi kini, pembangunan pesat dijalankan hampir di seluruh pelosok negara. Secara tidak langsung, hal ini melibatkan pembukaan kawasan-kawasan hutan yang baharu ekoran keperluan sumber yang tinggi oleh populasi manusia yang kian meningkat. Kesan daripada pembukaan kawasan hutan ini menyebabkan peningkatan jumlah spesies endemik flora semakin terancam termasuklah Meranti Damar Hitam Siput atau nama saintifiknya Shorea kuantanensis.

Spesies yang berasal daripada famili Dipterocarpaceae ini pada mulanya dikutip pada tahun 1936 di Hutan Simpan Bukit Goh, Kuantan, Pahang dan dilabelkan sebagai Shore sp. Pada tahun 1939, Symington telah meneliti spesimen tersebut dan melabelkannya sebagai Shorea sp. A. Peter Ashton sempena nama botanis yang terkemuka. Beliau mendapati bahawa spesimen tersebut merupakan spesies baharu yang endemik di Semenanjung dan menamakannya sebagai Shorea kuantanensis pada tahun 1971 berdasarkan lokasi spesies ini dikutip. Beliau seterusnya menerbitkan penemuan baru tersebut dalam The Garden's Bulletin Singapore pada tahun 1978. Shorea kuantanensis dapat dibezakan dengan spesies Shorea yang lain berdasarkan kaliks buah yang memanjang tidak melebihi panjang buah.

Pada tahun 2010, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengklasifikasikan spesies endemik ini sebagai pupus berdasarkan kriteria International Union Conservation of Nature Red List (IUCN Redlist). Hal ini kerana tiada penemuan baharu Shorea kuantanensis di lapangan.




Buah Damar Hitam Daun Besar (Shorea kuantanensis)



Daun Damar Hitam Daun Besar (Shorea kuantanensis)

Ashton melalui penerbitannya pada tahun 1978 juga memaklumkan bahawa usaha beliau mencari semula spesies tersebut di lokasi asal gagal kerana kawasan tersebut telah bertukar status dari kawasan hutan kepada kawasan penanaman kelapa sawit sepenuhnya.


Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengambil inisiatif mencari *Shorea kuantanensis* di kawasan hutan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak berjaya sehingga pada tahun tahun 2014, spesies ini telah berjaya dijumpai oleh Encik Mohd Nasir Bin Mohd, Penolong Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Encik Salleh bin Endut, bekas Renjer Hutan di Jabatan Perhutanan Terengganu di kawasan Hutan Rekreasi Lata Tembakah, Besut, Terengganu. Kawasan ini terletak lebih kurang 200 km dari lokasi penemuan awal di Kuantan, Pahang. Pihak JPSM amat teruja dengan penemuan tersebut dan telah merujuk kepada pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk mengesahkan bahawa spesimen yang ditemui adalah *Shorea kuantanensis*. Namun begitu, pihak FRIM tidak dapat mengesahkan sama ada spesimen baharu itu adalah spesies *Shorea kuantanensis* atau spesies lain yang baharu.



Illustrasi *Shorea kuantanensis*

Pada tahun 2016, pihak JPSM dengan cadangan Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff bin Mohamad, seorang taksonomi terkenal di Malaysia telah menghubungi Profesor Dr. Peter Ashton untuk membantu mengenalpasti spesimen yang dikutip. Beliau telah mengesahkan bahawa spesies yang dikutip tersebut adalah *Shorea kuantanensis* dan mengucapkan tahniah kepada JPSM di atas usaha menemui semula *Shorea kuantanensis*. Penerbitan mengenai penemuan semula *Shorea kuantanensis* ini oleh JPSM telah dibuat dalam *The Malaysian Forester*, volume 80 tahun 2017.

Dalam pada itu juga, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan spesies ini dengan menampatkan sebanyak 1,000 anak pokok *Shorea kuantanensis* di Tapak Semaian Chalok, Terengganu dan seterusnya menjadikan kawasan Hutan Rekreasi Lata Tembakah, Besut sebagai kawasan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (HCVF).



Peta menunjukkan lokasi Hutan Lipur Lata Tembakah, Besut Terengganu dan Hutan Simpan Bukit Goh, Kuantan, Pahang.



Penerbitan mengenai penemuan *Shorea kuantanensis* dalam *The Malaysian Forester* Vol. 80 Tahun 2017

Penemuan semula spesies *Shorea kuantanensis* setelah dianggap pupus selama beberapa tahun ini merupakan satu berita baik yang dapat diraikan dalam konteks kelestarian dan kepelbagaian sumber alam. Hal ini kerana setiap spesies flora dan fauna yang wujud masing-masing mempunyai peranan penting dalam sesebuah ekosistem. Dengan adanya penemuan ini juga, pelbagai kajian boleh dijalankan pada masa akan datang untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan khususnya dalam bidang perhutanan.

